


CINDAI

Karya: Dato' Noordin Hassan

Arahan: Rohani Yousoff

Sebuah penerbitan: Digimix Sdn Bhd



Penaja Utama:



Anjuran:




PANGGUNG NEGARA
Kementerian Kebudayaan, Kesenian & Pelancongan Malaysia

Antologi ini memaparkan rempah-ratus kehidupan sebenar semua golongan manusia.

Sebuah antologi cerpen yang lengkap hasil nukilan
A. Samad Ismail membicarakan pelbagai tema

- Politik
- Kekejaman pada zaman pemerintahan Jepun
- Kisah suka duka kehidupan wartawan
- Kisah keluarga

**Dapatkan naskhah ANDA dari galeri-galeri buku dan
kedai-kedai buku pengedar DBP yang berhampiran. Untuk
pesanan melalui pos, sila hubungi McIBS (M) Sdn. Bhd.,
no telefon 03-8003755 (talian bebas tol)-
pengedar langganan pos, DBP.**



INGIN JADI PUJANGGA

(Kumpulan Cerpen 1944 - 1991)

A. Samad Ismail


Penyelenggara:

A. Karim Haji Abdullah

Cetakan 1994

RM 60.00

833 halaman



B A H A S A
J I W A
B A N G S A

Kata-Kata Aluan

Pementasan Drama sebagaimana yang
lepas adalah satu kesempatan dan
ruang kepada penggiat-penggiat
teater untuk menyalurkan daya kreativiti ke
arah menyumbang peningkatan mutu yang
tinggi serta dapat memupuk dan membentuk
satu budaya dan peradaban bangsa Malaysia
seluruhnya. Pementasan Drama ini juga
diharap dapat memancarkan citra, peribadi
dan pemikiran suatu bangsa melalui gerak
kerja yang dihasilkan.

Akhir kata saya mengucapkan tahniah
dan syabas kepada semua pihak yang telah
berusaha bagi menjayakan pementasan Drama
ini. Semoga usaha begini akan dapat
diteruskan untuk melahirkan generasi yang
berbudaya dan bermartabat menjadi suatu
realiti.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,



DATO' SABBARUDDIN CHIK
Menteri Kebudayaan, Kesenian
dan Pelancongan Malaysia

Kata-Kata Aluan


Pihak kami merasa amat berbangga sekali kerana dapat sedikit sebanyak membantu menyumbang ke arah perkembangan seni teater di Malaysia.

Perkembangan seni teater di negara kita amatlah memberangsangkan di akhir-akhir ini dan perlu disokong bukan sahaja oleh para peminatnya tetapi juga oleh badan-badan korporat.

Bidang seni pementasan sudah berkembang dalam masyarakat kita. Namun demikian, 'Cindai' yang merupakan pementasan teater muzikal, adalah satu cubaan berani mempunyai pelbagai usul. Pemupukan nilai-nilai seni yang murni ini boleh dilakukan melalui persembahan sebegini yang sekaligus dapat membantu dalam pemeliharaan budaya kita dari terus lenyap ditelan zaman.

Sebagai penaja kad kredit yang terkemuka di Malaysia, saya berharap persembahan 'Cindai' ini akan mendapat sambutan yang menggalakkan dari semua pihak. Saya juga berharap agar pementasan sebegini akan terus dihasilkan dan dipersembahkan dengan jayanya pada masa akan datang.

Kami bukan sahaja memainkan peranan kami sebagai badan korporat dengan sumbangan kewangan, malah akan mempopularkan seni teater ini terutama sekali 'Cindai', kepada semua pelanggan kami yang berbilang kaum dan bangsa.



ENCIK K.K. NG
Presiden
MBf Card Services Sdn. Bhd.

Sinopsis

Cindai penari istana telah dituduh bermukah dengan seorang pemain gendang. Pak Ku bekas wazir yang bertanggungjawab ke atas hukuman mati terhadap Cindai hidup dalam kekesalan menjaga makam Cindai untuk menebus dosanya.

Orang ramai menganggap makam Cindai sebagai keramat datang memohon pelbagai pertolongan.

Tengku Puteri Sharifah Salwa Salamiah dipersembahkan dengan cerita Cindai yang ditulis oleh Pak Ku begitu sedih dengan apa yang telah dilakukan oleh Cindai; memalukan istana. Cindai datang dalam mimpinya meminta Tengku Puteri menyelidik kisah sebenar.

Pak Ku yang menjadi puncanya selama ini begitu berhasrat untuk memegang jawatan tertinggi di istana, berasa sukar dengan kehadiran ayah Cindai yang lebih layak memegang jawatan itu, lalu membuat fitnah terhadap Cindai dan secara tak langsung memalukan ayah Cindai.

Dengan beberapa orang lain, Tengku Puteri keluar istana bertemu rakyat untuk mengesahkan cerita Cindai yang sebenar.

Dalam menjaga makam Cindai, Pak Ku sedar perbuatannya selama ini hanya mendorong orang lain percaya bahawa Cindai dapat menunaikan permintaan mereka.

Synopsis


Cindai, a court dancer, was wrongly accused of being in close proximity with a "gendang" player. An ambitious court dignitary, Pak Ku, who was instrumental in her sentence and eventual death, lives in repentance for his wrong-doing by guarding her "makam" (graveyard).

For years people would go to the graveyard to ask for all sorts of things like wealth, health and honour.

Years later, Tengku Puteri Sharifah Salwa Salamiah finds out about the court intrigue when Pak Ku's version of the performance of "Cindai" was presented to her. She is upset about Cindai's behaviour. Cindai comes to her in a dream and she investigates. She uncovers the truth: that Pak Ku, who had ambitions to hold the most senior post in the Istana, but Cindai's father who was more senior, was in his way. Cindai's "action" had brought shame to her father, leaving the path clear for Pak Ku.

Tengku Puteri leaves the Istana with some aides to clear Cindai's name.

Pak Ku realises that in caring for the graveyard he is doing more wrong. He destroys the "makam" which has so long encouraged people to believe that Cindai could have granted them their wishes.



Pelakon

(mengikut giliran masuk)

Yusof Mohamad
PAK KU

Azean Irdawaty
PEREMPUAN KAYA/
PEGUAMBELA/
ORANG BESAR ISTANA/
MAK RABIATUL

Abu Bakar Omar
PENARI LUMPUH/
ORANG BESAR ISTANA

Shahrizan Ahmad
PENARIK BECA/
DATUK SETIAJAYA

Jamaludin Mohd. Noor
BENTARA/SULTAN

Tiara Jacqueline
TENGKU PUTERI SHARIFAH
SALWA SALAMIAH

Maizurah Hamzah
CINDAI

Megat Saiful Bahri
BAGINDA SULTAN

Ahmad Tamimi Siregar
WAZIR/DATUK SAMBARIA

Megat Adnan
ISKANDAR

Samat Salleh
PENDAKWARAYA/
ORANG BESAR ISTANA

DATO' NOORDIN HASSAN

Penulis Skrip

Dato' Noordin Hassan telah dianugerahkan Sasterawan Negara dan merupakan penulis skrip yang pertama yang dianugerahkan hadiah sastera. Penulis dan pengarah drama mendapat pendidikan asas di Penang Free School dan mengikuti kursus Perguruan di Kirby, Liverpool, England; seterusnya mengikuti Pengajaran Bahasa dan Sastera di University of London dan kemudian mengikuti kursus drama dan pendidikan di Newcastle. Pada 1987 beliau dianugerahkan SEA WRITE AWARD di Bangkok. Antara karya penulisan beliau yang memenangi hadiah sastera adalah: "Bukan Lalang Ditiup Angin" (1977), "Anak Tanjung" (1988), "Peran" (1992), "Sirih Bertepuk Pinang Menari" (1994). Antara drama-drama yang telah dipentaskan oleh Kompleks Budaya Negara adalah:

1. Bukan Lalang Ditiup Angin (Hadiah Sastera)
2. Anak Tanjung
3. 1400
4. Jangan Bunuh Rama-Rama
5. Cindai
6. Peran
7. Sirih Bertepuk Pinang Menari
8. Malam Ini Penyu Menangis (Dipersembahkan oleh Panggung Negara)

ROHANI YOUSOFF

Pengarah

Beliau telah diberi kepercayaan oleh Dato' Noordin Hassan untuk mengarah karya terbaru beliau yang berjudul "Sirih Bertepuk Pinang Menari". Telah mula berlakon drama-drama pentas Dato' Noordin Hassan semenjak 1979. Antara drama pentas utama di mana beliau berlakon adalah:

1. "Alang Rentak Seribu" karya Syed Alwi (Pentas dan TV)
2. "Tok Perak" karya Syed Alwi (Pentas dan TV)
3. "Bukan Lalang Ditiup Angin" karya Noordin Hassan
4. "1400" karya Noordin Hassan
5. "Kononnya" konsep Rohani Yousoff
6. "Anak Tanjung" karya Noordin Hassan (mewakili Malaysia di ASEAN Theatre Festival di Singapura)
7. "Cindai" karya Noordin Hassan
8. "Hamba Allah" karya Syed Alwi
9. "Pentas Opera" karya Zakaria Ariffin (termasuk persembahan di Sarawak)

Beliau yang juga merupakan seorang pelakon, penerbit dan pengarah TV pernah memenangi Anugerah Seri Angkasa untuk produksi "Cikgu Limau Kasturi". Dengan lebih 20 tahun pengalaman teater dramatis ini telah melanjutkan pelajaran di New York University dalam bidang teater, Berlin (Kursus Penerbitan TV) dan London (Pentadbiran Seni). Beliau memulakan mengarah pentas di Malaysia dengan "Sirih Bertepuk Pinang Menari" karya Dato' Noordin Hassan.


SUHAIMI MOHD. ZAIN

Pengarah Muzik

Walaupun telah diberi kepercayaan oleh pengarah-pengarah terkenal tanah air beliau masih mengekalkan sikap 'low profile'. Dengan pengalaman lebih dari 15 tahun di Kompleks Budaya Negara mengetuai bahagian muzik beliau telah banyak mencipta, mengubah dan mengetuai orkestra di dalam mahupun di luar negara. Antara penerbitan pentas di mana beliau mencipta, mengubah dan menjadi Pengarah Muzik adalah:

1. "Anak Tanjung" karya Dato' Noordin Hassan
2. "Sirih Bertepuk Pinang Menari" karya Dato' Noordin Hassan
3. "Tok Perak" karya Dato' Syed Alwi
4. "Jebat" (versi Inggeris) oleh Dato' Rahim Razali

Semasa bersama KBN, beliau sering bertanggungjawab untuk kebanyakan penerbitan muzikal yang melibatkan KBN; antaranya: Pesta Malaysia, CHOGM, Pertabalan Yang di-Pertuan Agong dan banyak lagi. Beliau pernah menerbitkan album artis tempatan dan menerima 'cakera emas' untuk album terbitan beliau, juga mencipta muzik untuk TV dan filem.





SHARIFAH MAHANI

SYED KASSIM

Koreografer

Bermula sebagai penari di Kompleks Budaya Negara, dan merupakan satu-satunya penari yang disanjung kerana kebolehan beliau. Meneruskan tugas di KBN sebagai penari dan sekarang sebagai Jurulatih Tarian dan Koreografer (Pereka Tari). Pengalaman selama 20 tahun telah membawa beliau ke peringkat penari utama di dalam dan di luar negeri. Koreografi beliau juga telah dipersembahkan di negara ini dan di merata dunia. Sharifah Mahani adalah koreografer untuk beberapa tahun dalam persembahan "Cindai" yang dipentaskan pada November 1988, arahan Dato' Noordin Hassan sendiri.





YUSOF MOHAMAD

Pernah memenangi Anugerah Pelakon Terbaik negeri Pahang anjuran Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Walaupun lebih dikenali dengan watak 'Pak Halim' dalam drama bersiri "Rumah Kedai", beliau telah banyak berlakon untuk pentas, TV dan filem. Beliau mula melibatkan diri dalam drama pentas sejak tahun 1973.

TIARA JACQUELINA

Pelakon TV dan filem yang terkenal, beliau juga berminat berlakon untuk pentas. Antara drama pentas yang dilakonkan oleh beliau adalah "A Man For All Seasons" (arahan Joe Hasham), "Kelas 2020" (skrip dan arahan Rahim Razali), "Raja Lawak" (skrip dan arahan Zakaria Ariffin), "Pawang" (skrip dan arahan Khalid Salleh) juga mewakili Malaysia dalam "Festival of Non-Verbal Arts" di India. Penglibatan beliau yang terbaru adalah "Perempuan Seorang Leftenan Inggeris" (skrip dan arahan Zakaria Ariffin).

MAIZURAH HAMZAH

Penyanyi bertaraf antarabangsa berasal dari Singapura ini begitu dikenali ramai lebih lagi di Korea di mana jualan albumnya melebihi Platinum. Ini menjadikan beliau artis luar paling popular di Korea. Beliau baru sahaja selesai berlakon dalam filem "Jimi Asmara". "Cindai" merupakan lakonan pentas pertama beliau.

AHMAD TAMIMI SIREGAR

Pelakon dan pengacara yang begitu dikenali ramai ini pernah memenangi anugerah Pelakon Pembantu TV Terbaik (1976), Pengarah Drama TV Terbaik (1992) dan Pelakon Pembantu Filem Terbaik (1978). Antara drama pentas yang telah dijayakan oleh beliau "Uda dan Dara" (1970), "Muzikal Kuala Lumpur, Kuala Lumpur" (arahan Rahim Razali), "Alang Rentak Seribu", "Tok Perak", "Desa Ria" (arahan Syed Alwi), "Wira Bukit" (arahan Meor Hashim Manap), "Bukit Keramat" (arahan Supiat Mukri), "Anak Tanjung" dan "Cindai" (arahan Noordin Hassan). Beliau juga merupakan pengarah "Muzikal Randai: Kaba Kasih Menanti" (1994) dan baru sahaja selesai mengarah drama pentas "Itik Liar" (Wild Duck) di Panggung Eksperimen.

AZEAN IRDAWATY

Pelakon TV & filem yang terkenal ini sudah lama berkecimpung dalam bidang seni. Walau bagaimanapun ini adalah kali pertama beliau melibatkan diri dalam teater, walaupun beliau pernah berteater semasa di bangku sekolah.

ABU BAKAR OMAR



Pelakon televisyen dan filem terkenal ini mula melibatkan diri dalam bidang teater sejak persembahan "Anak Tanjung" karya dan arahan Dato' Noordin Hassan. Sejak penglibatan pertama ini minat beliau dalam teater berterusan sehingga sekarang. Di antara pementasan lakonan beliau ialah "Cindai" (arahan Dato' Noordin Hassan) dan "Sirih Bertepuk Pinang Menari" (karya Dato' Noordin Hassan, arahan Rohani Yousoff, Kuala Lumpur dan Dato' Noordin Hassan, Pulau Pinang). Beliau pernah berlakon dalam beratus drama TV memegang pelbagai watak, pernah memenangi anugerah pelakon radio dan TV terbaik.

SHAHORIZAN AHMAD

Pelakon pentas dan TV ini lebih terkenal dengan pembawaan watak-watak lucu. Drama pertama lakonan beliau ialah "Pegawai Khalwat" (arahan A. Ghani Abdullah). Turut berlakon dalam "Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman" (1984 - 85), "Salina" (1986), "Zaman Gerhana" (1986), "Mahkamah Keadilan" (1986), "Remang Di Lorong Tua" (1987), "Melati Sarawak" (1987) dan "Tok Selampit" (1988). Turut berlakon dalam siri televisyen "Pi Mai Pi Mai Tang Tu". Beliau juga pernah mengacara rancangan "Sendaloka Bersama Singer" dan banyak terbabit dalam drama TV.

SAMAT SALLEH

Mendapat pendidikan dalam bidang teater dari Indiana University, A.S. Kini bertugas sebagai pensyarah di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Beliau telah menglibatkan diri dalam bidang teater sejak tahun 70-an. Di antara penglibatan beliau dalam drama-drama Dato' Noordin Hassan adalah "Anak Tanjung" (arahan Dato' Noordin Hassan), "Cindai" (arahan Dato' Noordin Hassan) dan "Sirih Bertepuk Pinang Menari" (arahan Rohani Yousoff, Kuala Lumpur dan Dato' Noordin Hassan, Pulau Pinang). Beliau mengarah banyak drama pentas di USM dan pernah menulis dan mengarahkan drama sebabak "Sampai Bila" di MATIC.



JAMALUDDIN MD. NOR

Lebih terkenal dengan nama Jamal Bab, beliau sering melibatkan diri di dalam drama pentas. Di antaranya adalah "Anak Tanjung" (karya & arahan Dato' Noordin Hassan), "Cindai" (karya & arahan Dato' Noordin Hassan), "Bertam-Bertam Bukan Semambu", "Ulik Mayang", "Si Bereng-Bereng", "Gong Gedombak" (karya & arahan Khalid Salleh), "Mat Som" (arahan Syed Alwi), "Malam Gelap Di Bukit Damansara" (arahan Rahim Razali), "Tikar Mengkuang" (arahan Lokman Ghani) dan "Itik Liar" (arahan Ahmad Tamimi Siregar). Beliau juga pernah berlakon untuk televisyen.

MEGAT SAIFUL BAHRI

Penulis, pelakon dan pengarah ini sudah berkecimpung dalam teater sejak tahun 1961. Beliau pernah berkhidmat bersama TV3 sebagai penerbit dan pengarah. Beliau pernah memenangi anugerah pelakon, penulis dan pengarah peringkat negeri sejak tahun 1975 hingga 1978 dan memenangi anugerah pelakon terbaik kebangsaan. Beliau juga menulis, berlakon dan mengarah untuk drama televisyen.

MEGAT ADNAN MEGAT RIDZUAN

Beliau pernah terbabit di dalam drama TV dan beberapa drama pentas, di antaranya "Anak Tanjung" (karya & arahan Dato' Noordin Hassan), "Jebat" (arahan Rahim Razali), "Uda dan Dara" (arahan Ahmad Yatim), "Tikar Mengkuang" (arahan Lokman Ghani) dan "Di Kampung Di Kota" (karya dan arahan Syed Alwi). Beliau sekarang menuntut di Akademi Seni Kebangsaan.

Pemuzik

1. Suhaimi Mohd. Zain
2. Pauzi b. Majid
3. Nassir Yusof
4. Nawi Yusoh
5. Zainudin Yunos
6. Harun Deraman
7. Suflan Faizdal Arshad
8. Ku Zahir Ku Ahmad

Dibantu oleh/ Penari-Penari

1. Marina Mary Charles
2. Azizah bt Abd Aziz
3. Norhaslina Mohd Basha
4. Samsuraya Sulaiman
5. Nor Hayatee Nazli Yahya
6. Zaleha Abd Rahman
7. Jamaluddin Abu Bakar
8. Zahari Musa
9. Mohamad Osman
10. Hasnul Hassan
11. Mutalif Abu Bakar
12. Khaeryll Benjamin

Unit Kreatif

Dato' Noordin Hassan	Penulis Skrip
Rohani Yousoff	Pengarah
Suhaimi Mohd Zain	Pengarah Muzik
Sharifah Mahani Syed Kassim	Koreografer
Ismail Mustam/Fadthil Camille	Pereka Set & Lampu
Lim Teng Kok	Pereka Pakaian
Ariff Awaluddin	Fotografi
Soraya Yusof Talismail	

Unit Produksi

Jonathan Yoon	Pengurus Produksi/Pengurus Pentas
Ariff Awaluddin	Pelukis dan Penyelenggaraan Set
Ahmad Fuad Osman	
Hamir Soib	
Zakimi Kamaruddin	
Zakaria	
Farid Adzlan	Pengurus Peralatan
Anuarul 'Ain Ahmad	Pembantu Pentas
Ramli Ali	
Salleh Saad	
Ab Razak Bujang	
Sulaiman Rabu	
Lim Teng Kok	Penyelaras Pakaian
Sharifah Raha Syed Mustafa	
Rosmah Ishak	
Norazian Zakaria	
Norchahaya Ismail	Jurusolek
Samar Osman	
Mariam Sulaiman	Penyelaras Program


Jawatankuasa Teknikal

Mohamed Adnan Hj. Hamzah	Penyelaras Teknikal
Zulkifli Ab. Rashid	Pen. Penyelaras Teknikal
Abd. Razak Abd. Rahman	Tatacahaya
Jamal Sujah	
Mohd. Ramly Abu Bakar	Audio
Badruzaman Abd. Jalil	Pengurus Panggung
Mariam Sulaiman	Pemasaran/Publisiti
Razif Ab. Rahman	
Jonathan Yoon	
Farid Adzlan	
Ahmad Hamzah	Kewangan/Hospitaliti



Terima Kasih Atas Sumbangan

Dewan Bahasa dan Pustaka
IJM Corporation Bhd
Country Heights Bhd
Sungai Long Industries Sdn Bhd
Pilecon Engineering Sdn Bhd
MKN Holdings Sdn Bhd
Globe Silk Store
YTL Corporation Berhad
Bank Industri (M) Bhd
Jurukur Perunding Services Sdn Bhd
Eastern & Oriental Bhd
Landmarks Bhd



Sekalung Budi

Kumpulan Utusan Melayu
New Straits Times (M) Sdn Bhd
TV3
RTM
Berita Harian
Harian Metro
Malay Mail
Watan
The Edge
Polis DiRaja Malaysia
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Kedutaan Besar Indonesia
Jaafar Ahmad
Azwan Ali

**PETROL TANPA
PLUMBUM SHELL, KINI
LEBIH BERKUASA.**


Memandangkan kini petrol berplumbum telah dikurangkan ke 92 oktana, semua kenderaan yang menggunakan 97 oktana, mestilah bertukar kepada petrol tanpa plumbum. Untuk kuasa unggul, pilihlah Formula Shell Super Unleaded dengan 97 oktana. Sekiranya anda musykil tentang petrol apa yang harus digunakan, hubungi kami untuk cerita sebenar. Sila telefon pakar kami melalui talian tanpa tol 800-3553 antara 9 pagi dan 5 petang, Isnin hingga Jumaat. Kami sentiasa bersedia untuk membantu.

FORMULA
Shell
Super Unleaded

PETROL TANPA PLUMBUM NO. 1 DI DUNIA

ANAK TANJUNG

• NOORDIN HASSAN •



ANAK TANJUNG

ANAK TANJUNG SEBUAH KARYA DRAMA PENTAS NOORDIN HASSAN YANG TELAH MEMENANGI HADIAH SASTERA BAGI TAHUN 1986/87. **ANAK TANJUNG** SEBENARNYA MENYUSUR SEJARAH TANAH MELAYU MULAI ZAMAN PENJAJAHAN INGGERIS HINGGALAH KEPADA ZAMAN PENDUDUKAN JEPUN, KEDATANGAN SEMULA KUASA INGGERIS, ZAMAN DARURAT SAMPAILAH KEPADA PENCAPAIAN KEMERDEKAAN YANG DIHIDUPKAN OLEH PENULIS DALAM SATU PANORAMA YANG MENARIK.

DRAMA **ANAK TANJUNG** JUGA MEMAPARKAN PERGOLAKAN MASYARAKAT YANG MENJADI TERAS TRANSFORMASI DAN PENJELMAAN MASYARAKAT MAJMUK MALAYSIA.

ANAK TANJUNG MENYERLAHKAN SEKALI LAGI KEBERKESANAN NOORDIN HASSAN SEBAGAI SEORANG DRAMATIS YANG BERWIBAWA ...



B A H A S A J I W A B A N G S A